

Newspaper	Berita Harian
Date	26/11/2012



Dr Mahathir **menaiki kereta kuda** sekitar Putrajaya sambil ditemani Mukhriz, semalam. BH - 26/11/12 [FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

## Dr Mahathir serah kereta kuda

**Putrajaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad semalam, menghadiahkan sebuah kereta kuda kepada Taman Equestrian Putrajaya, bagi memberi peluang kepada orang ramai beriadah menaiki kenderaan itu di sekitar pusat pentadbiran ini.

Kereta kuda berwarna putih yang dinamakan *Victory Carriage* itu tiba dari Australia, minggu lalu dan difahamkan, ia adalah hadiah daripada sebuah kelab lumba kuda kepada bekas Perdana Menteri itu.

Eksekutif Pemasaran dan Keahlian Taman Equestrian Putrajaya, Na-

bila Arshad, berkata Dr Mahathir berhasrat menjadikan Putrajaya sebagai pusat pelancongan dan menyediakan pelbagai produk yang mampu menarik pelancong dari dalam dan luar negara.

### Produk pelancongan

“Tun berpendapat, lebih baik kereta kuda itu dihadiahkan kepada Taman Equestrian sebagai produk pelancongan di Putrajaya, berbanding beliau sendiri menyimpannya.

“Selepas ini, kereta kuda terbabit akan menjadi tarikan baru ke Putrajaya dan tidak hanya bergan-

tung kepada produk pelancongan sedia ada termasuk Cruise Tasik Putrajaya,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Nabila berkata, pihaknya bercadang memulakan perkhidmatan menaiki kereta kuda itu pada Januari tahun depan dan masih membincangkan mengenai laluan serta harga pakej berkenaan.

Pagi semalam, Dr Mahathir meluangkan masa lebih dua jam ditemani anaknya, Datuk Mukhriz serta beberapa rakan mengelilingi kawasan sekitar Putrajaya menaiki kereta kuda berkenaan.